

# Pertimbang beli jet pejuang China

**Kerajaan beralih kepada produk China, jika EU terus sekat kelapa sawit**

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

**K**erajaan akan beralih membeli barang dari China termasuk teknologi ketenteraan seperti pesawat pejuang sekiranya minyak kelapa sawit negara terus disekat oleh Kesatuan Eropah (EU).

Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan itu adalah tidak adil kerana

sengaja memboikot kemajuan negara yang menggunakan minyak kelapa sawit.

Beliau berkata, EU tidak sepatutnya menggambarkan minyak kelapa sawit sebagai bahan yang tidak boleh dimakan melalui label.

"Walaupun EU bukan pasaran yang terbesar, namun kempen untuk memburukkan imej kelapa sawit itu yang kita tidak boleh terima.

"Kita tidak boleh berperang tetapi kita bakal kurangkan pembelian produk mereka, hanya barang tertentu sahaja kita tidak akan beli," katanya pada sidang media Kempen Sayangi Sawitku atau *'Love MY Palm Oil'* anjuran Kementerian Industri Utama di Ladang



Dr Mahathir menunjukkan produk minyak sawit dan beramah mesra dengan para pengunjung selepas merasmikan Pelancaran Kempen Sayangi Sawitku, semalam.

East, Sime Darby Plantation, Pulau Carey, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkongsi

pendapat, sekiranya negara perlu membeli pesawat pejuang, pihaknya terpaksa memasukkan pesawat bu-

atan China ke dalam senarai pilihan.

Beliau bagaimanapun berkata, ia bukanlah seba-

gai cara mempromosikan barang dari China, tetapi usaha menolak barangan dari Eropah yang mahu menjatuhkan ekonomi negara.

"Saya fikir teknologi mereka tidak kurang hebat adakalanya teknologi China melebihi teknologi berasrat.

"Kita mempunyai banyak pilihan dan di manapun pun boleh, yang pasti kita akan kaji dan melihat kesannya terlebih dahulu," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir melancarkan Kempen Sayangi Sawitku bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai peranan industri minyak sawit kepada sosio-ekonomi negara serta kebaikan dan kegunaannya dalam kehidupan sehari-hari.

## Raja Muda Selangor tunggang vespa

**SHAH ALAM**-Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli dengan menunggang motosikal Vespa ketika Program Jelajah Daerah Kuala Langat, baru-baru ini.

Menerusi kenyataan Selangor Royal Official berkata, baginda turut berkenan menunggang motosikal ke kilang pembuatan kerepek di Morib.

Menurut kenyataan tersebut, baginda seterusnya singgah menikmati suasana petang dan kemudahan terkini di Pantai Morib.

“Pada jelajah selama tiga hari itu, baginda dan rombongan melawat ke Taman Rekreasi Paya Bakau di Sijangkang untuk melihat sendiri perusahaan madu kelulut yang diusahakan penduduk di kawasan berkenaan.

“Baginda kemudiannya menyertai acara memanah tradisional sebelum menikmati hidangan makanan laut popular di Pulau Carey bersama ahli rombongan,” katanya.

Katanya, pada hari kedua, Raja Muda turut berkenan melawat ke Muzium Insitu, sekitar Bukit Jugra dan juga



Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli dengan menunggang motosikal vespa.

Istana Bandar serta menunaikan Solat Jumaat bersama rakyat di Masjid Diraja Sultan Alaeddin Jugra.

Pada hari terakhir jelajah, baginda berkenan mendaki Gunung Nuang di Hulu Langat dan menyempurnakan perasmian semula laluan mendaki di gunung berkenaan.

Lawatan tersebut turut disertai Orang-orang Besar Istana yang terdiri daripada Engku Maharajalela Setia Paduka Dato' Syed Budriz Putra Jamalullail Syed Amir Abidin Jamalullail; Tengku Indera Bijaya Diraja Tengku Salahuddin Shah Alhaj Tengku Sulaiman Shah Alhaj dan Tengku Seri Perkasa Diraja Tengku Musahiddin Shah Tengku Abdul Samad Shah Alhaj.